

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, dan objektif kajian. Di samping itu ia turut dimuatkan dengan hipotesis-hipotesis kajian, rasional atau kepentingan kajian ini.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Dunia sekarang ini tidak boleh dipisahkan dengan teknologi. Salah satu daripadanya ialah teknologi komputer. Kepentingan komputer sudah setanding dengan kepentingan 3M (membaca, menulis dan mengira).

Menurut Lim (1995), pada masa ini, orang yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang luas dalam bidang komputer boleh dianggap sebagai sumber atau aset yang sangat berharga kepada masyarakat industri. Sebaliknya manusia yang jahil atau tidak mempunyai pengetahuan langsung terhadap komputer, boleh dikenali sebagai buta komputer dan dianggap sebagai penghalang kemajuan sesebuah negara dimana kemajuannya berasaskan teknologi maklumat.

Bagi para pelajar, apabila tamat pengajian maka bermulalah alam pekerjaan bagi mereka. Biasanya, graduan akan memilih pekerjaan yang mempunyai latar belakang atau berkaitan dengan kursus yang diambil ketika menuntut di universiti. Juga, tidak dinafikan penggunaan IT amat meluas di alam pekerjaan. Komputer telah menjadi alat "mesti ada" untuk menjalankan urusan perniagaan. Apabila wujud konsep globalisasi, dunia tanpa sempadan dan

konsep-konsep lain yang wujud akibat perkembangan maklumat yang pesat, dunia perniagaan dan industri memerlukan pekerja yang berkebolehan menggunakan teknologi komputer (Molnar, 1980).

Di Malaysia, komputer akan terus bertapak di pejabat-pejabat kerajaan dan organisasi-organisasi. Pembinaan Pusat Pentadbiran Putrajaya dan kewujudan Koridor Raya Multimedia merupakan pelopor kepada merealisasikan negara elektronik di masa hadapan kerana di masa-masa akan datang segala urusan akan dilakukan melalui komputer (Norhayati, 2001).

Kesungguhan negara terhadap literasi komputer boleh dilihat melalui dasar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 (RMke-7) dan Rancangan Malaysia Ke-8 (RMke-8).

#### **1.1.1 Rancangan Malaysia Ke-7**

Infrastruktur dan persekitaran yang diperlukan bagi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ketujuh (RMke-7) untuk membolehkan Malaysia bergerak pantas memasuki era teknologi maklumat. Agenda IT Negara (NITA) yang digubal pada tahun 1996 telah menyediakan kerangka pembangunan negara yang lebih terancang untuk menjadi sebuah masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan menjelang tahun 2020. Oleh kerana ICT menyediakan peluang terbaik untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing, beberapa program dan projek telah dilaksanakan bagi meluaskan penggunaan ICT dalam ekonomi. Penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang telah direkabentuk sebagai kawasan ujian di peringkat global merupakan inisiatif penting dalam usaha membangunkan ICT. Di samping itu, undang-undang siber yang terulung di

dunia telah di gubal untuk menyediakan persekitaran yang boleh mendorong pembangunan ICT. Selain daripada itu, kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang tempoh RMKe-7 bagi menggalakkan penerimaan dan penggunaan ICT secara meluas bertujuan meningkatkan keupayaan dalam setiap bidang perniagaan, industri dan kehidupan masyarakat. Inisiatif ini termasuk pembelian komputer dan peralatan, penyediaan dana modal teroka, pemantapan program latihan dan pendidikan serta pembentukan persekitaran perundangan yang sesuai untuk mendorong pembangunan ICT. Undang-undang siber yang utama ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bertujuan menggalak peraturan yang lebih liberal, memperkemas prosedur dan kategori perlesenan serta mewujudkan pasaran yang lebih terbuka kepada persaingan. Secara keseluruhan, kita dapat melihat penggunaan ICT mengikut sektor di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 di dalam jadual 1.1. Ini sudah menunjukkan betapa negara Malaysia telah mengorak langkah menuju penggunaan teknologi komputer. Sudah semestinya, kebolehan berkomputer menjadi pilihan utama selain daripada kecemerlangan akademik.

**Jadual 1.1****PERBELANJAAN ICT MENGIKUT SEKTOR, 1995-2000**  
(RM juta)

Sektor	1995	%	2000	%	1996-2000	%	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 1996-2000
Perbankan & kewangan	1,026	27.2	827	14.0	3,723	15.0	-4.2
Pembuatan	494	13.1	1,182	20.0	4,041	16.3	19.0
Kerajaan	380	10.1	532	9.0	2,062	8.3	6.9
Telekomunikasi	-	-	473	8.0	2,323	9.3	-
Pengagihan	304	8.1	650	11.0	2,586	10.4	16.4
Minyak & Gas	380	10.1	296	5.0	1,623	6.5	-4.8
Utiliti	266	7.0	236	4.0	1,253	5.0	-2.3
Profesional ICT dan Perkhidmatan							
Lain	125	3.3	236	4.0	236	1.0	13.5
Kesihatan	-	-	59	1.0	59	0.2	-
Pendidikan & Penyelidikan	114	3.0	236	4.0	1,008	4.0	15.6
Pengangkutan	114	3.0	177	3.0	1,147	4.6	9.1
Rumahtangga	76	2.0	473	8.0	2,004	8.0	44.1
Perladangan & Perlombongan	76	2.0	-	-	100	0.4	-
Lain-lain	418	11.1	532	9.0	2,736	11.0	4.9
<b>Jumlah</b>	<b>3,773</b>	<b>100.0</b>	<b>5,909</b>	<b>100.0</b>	<b>24,901</b>	<b>100.0</b>	<b>9.2</b>

Sumber: Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), Rancangan Malaysia Ke-8, <http://www.sts.um.edu.my>

### 1.1.2 Rancangan Malaysia Ke-8

Dalam Rancangan Malaysia Ke-8, kerajaan telah mengambil langkah untuk meneruskan usaha ke arah pembangunan ICT sebagai mana yang telah diambil di dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Dalam tempoh RMke-8, tumpuan akan diberi untuk terus memperkukuhkan keupayaan sumber manusia, infrastruktur berkaitan perkakasan dan perisian bagi membolehkan Malaysia bergerak dengan pantas menjadi negara maju yang mempunyai masyarakat berpengetahuan. Bagi tujuan ini, teras strategik untuk pembangunan ICT meliputi:

- *Menjadikan Malaysia sebagai hub ICT dan multimedia di peringkat global;*
- *Menaik taraf dan menambahkan infrastruktur komunikasi untuk meningkatkan kebolehcapaian di seluruh negara dengan tujuan merapatkan jurang digital;*
- *Meningkatkan pembangunan sumber manusia dalam bidang ICT bagi menambah bekalan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan;*
- *Menggalakkan e-dagang dan meningkatkan penggunaannya bagi membolehkan Malaysia bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran global; dan*
- *Memupuk keupayaan tempatan dalam mencipta pembangunan kandungan;*
- *Meluaskan pelaksanaan aplikasi perdana MSC bagi meningkatkan lagi momentum pembangunan MSC;*

Penyelidik menyentuh pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di dalam RMKe-7 dan RMKe-8 untuk menunjukkan betapa pentingnya literasi komputer dikalangan pelajar-pelajar demi menyahut usaha-usaha kerajaan dalam menuju wawasan 2020.

Luehrman (1983) mengatakan bahawa kejahilan orang ramai terhadap komputer akan membawa kepada krisis negara. Menurut beliau lagi, perhubungan adalah asas kepada konsep literasi, dan untuk berhubung dengan komputer, seseorang individu itu perlu pengaturcaraan supaya komputer itu boleh berfungsi dengan baik.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Bagi pelajar-pelajar ijazah sarjana muda ekonomi, mata pelajaran komputer bukanlah satu mata pelajaran yang utama. Walaupun, boleh dikatakan hampir semua pelajar tahu menggunakan komputer untuk menaip tugas, tetapi adakah pengetahuan mereka berdasarkan itu sahaja ataupun lebih daripada itu.

Sekiranya pelajar-pelajar ini menjawat jawatan di sesebuah syarikat atau jabatan, mereka tidak akan lari daripada menggunakan komputer. Malah kemungkinan mereka perlu ada pengetahuan komputer yang lebih baik. Menurut pengalaman penyelidik berkerja di sektor swasta, selain daripada tahu menggunakan perisian tertentu untuk melakukan tugas harian, kebolehan menentukan masalah-masalah komputer juga adalah salah satu kelebihan. Ini sudah tentu adalah baik terutamanya kepada syarikat-syarikat kecil kerana sekiranya pekerja yang sedia ada boleh mengenal pasti masalah komputer, kos penyelenggaraan terhadap komputer dapat di kurangkan. Maka dengan itu tidak

dapat dinafikan kebanyakan syarikat-syarikat swasta mementingkan kebolehan berkomputer selain daripada kecemerlangan pelajaran dan pengalaman.

Menurut Ahmad Zaki (1989), komputer sangat sesuai untuk melakukan kerja yang banyak dan berulang, memerlukan ketepatan yang tinggi, banyak maklumat perlu disimpan dan diperoleh semula dalam masa yang singkat serta dapat memproses data yang banyak yang sukar dilakukan oleh manusia biasa.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian terdahulu terhadap pelajar-pelajar Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran kebanyakannya adalah tertumpu kepada kelayakan akademik semata-mata. Penyelidik ingin membuat sedikit kajian mengenai literasi komputer di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran untuk mengetahui tahap literasi komputer mereka. Selain daripada kelayakan akademik yang memuaskan, kesedaran mengenai tahap literasi komputer di kalangan para pelajar juga adalah penting untuk mereka bukan saja untuk bersaing sesama sendiri di dalam alam pekerjaan nanti malah untuk kepentingan mereka sendiri supaya tidak digelar sebagai 'rabun' komputer.

Besag dan Levine (1984) berpendapat pada tahap asas, literasi komputer adalah kebolehan membaca dan menulis dengan menggunakan bahasa sendiri. Manakala definisi yang lebih luas, ia bukan setakat boleh membaca sahaja tetapi juga boleh menggunakan pengetahuan yang diperoleh daripada komputer dalam kehidupan seharian.

Berkaitan dengan itu, persoalan-persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini adalah:

1. Sejauh manakah tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya?
2. Adakah terdapat hubungan di antara banyak masa menggunakan komputer dengan tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya?
3. Adakah terdapat hubungan di antara tingkat pendapatan ibubapa pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dengan tahap literasi komputer?
4. Apakah sikap pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya terhadap komputer?

#### **1.4 HIPOTESIS KAJIAN**

1. Terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkat pendapatan ibubapa dengan tahap literasi komputer pelajar.
2. Terdapat hubungan yang signifikan di antara banyak masa menggunakan komputer dengan tahap literasi pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.
3. Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan kemahiran dalam ukuran tahap literasi komputer pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya.



## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pelajar-pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi adalah merupakan salah satu daripada generasi muda yang bakal menggantikan pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sama ada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Dalam erti kata yang lain, keupayaan dan pengisian ilmiah para pelajar ketika mereka di bangku pengajian merupakan faktor yang penting supaya kelak mereka dapat menggunakan segala kemahiran dan pengetahuan mereka untuk menghasilkan produk atau kerja yang lebih berkualiti. Luerhman (1983) berpendapat bahawa perkembangan teknologi dan komputer serta era pembangunan masa kini dalam pelbagai bidang memerlukan individu yang mempunyai tahap literasi komputer yang tinggi untuk mengendalikan tugas yang berkaitan dengan komputer. Oleh kerana dunia ini tidak boleh dipisahkan lagi dengan teknologi komputer, sudah sewajarnya literasi komputer dikalangan pelajar-pelajar tersebut harus diberikan perhatian.

Hasil daripada kajian ini, pihak fakulti bolehlah mengetahui tahap literasi serta sikap dan pengetahuan pelajar-pelajar terhadap komputer. Pihak fakulti boleh mengambil langkah-langkah tertentu sekiranya keputusan kajian menunjukkan perlunya ada usaha-usaha untuk menaikkan lagi tahap literasi komputer dikalangan pelajar-pelajarnya.

## **1.6 DEFINISI OPERATIONAL**

### **1. Literasi Komputer**

Literasi komputer mempunyai makna yang agak berlainan mengikut peredaran zaman dan konteks. Perubahan teknologi yang melibatkan komputer bergerak terlalu pantas. Literasi pada tahun 1960an mungkin memerlukan hanya

pengetahuan bahasa mesin, pada 1970an bahasa pengaturcaraan seperti BASIC dan COBOL, manakala 1980an, komputer peribadi (Apple) mulai muncul bersama program CP/M, dan sekarang program WINDOWS atau internet.

*The Prentice-Hall Standard Glossary of Computer Terminology* memberi makna literasi komputer sebagai satu istilah yang ada kaitan dengan pengetahuan yang ada pada seseorang tentang komputer. Jika seseorang itu arif komputer (*computer literate*) maka ia akan mampu bekerja dan berfungsi dalam era komputer.

Di dalam konteks kajian ini, literasi komputer merangkumi kepada empat aspek penting iaitu pengetahuan kognitif terhadap aplikasi, perisian, perkakasan dan internet.

## 2. Komputer

Komputer ialah sebuah alat yang boleh diarahkan untuk menerima data (input) dan mengeluarkan maklumat (output). Ia adalah sebuah mesin yang menyimpan dan mengolah atau memproses data, dan tidak boleh berfikir seperti manusia. Ia hanya boleh menjalankan suruhan yang diberikan kepadanya.

### 1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap literasi komputer di kalangan pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya bagi Semester 2 Sessi 2001/2002 sahaja. Oleh itu ia tidak boleh disamakan dengan dapatan kajian di lain-lain fakulti kerana situasi, latar belakang dan pendedahan individu terhadap komputer adalah berlainan mengikut fakulti.

## **1.8 DAPATAN KAJIAN YANG DIJANGKAKAN**

Kebolehan pelajar menggunakan komputer dengan baik adalah sangat penting di dalam zaman ini. Pelajar di universiti merupakan tunggak harapan negara. Segala usaha kerajaan ke arah negara maju bergantung kepada sejauh mana kesedaran pelajar untuk sama-sama melangkah ke arah yang sama. Tanpa kemajuan dan kesedaran mengenai pentingnya literasi komputer ke atas individu, segala usaha mungkin tidak dapat dihasilkan dengan baik.

Oleh itu pelajar perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran komputer sebagai satu elemen penting bagi menghadapi dunia globalisasi. Literasi komputer boleh menjadi satu faktor penting yang membolehkan peningkatan keyakinan diri pelajar untuk bersaing dalam zaman teknologi maklumat (Rashidah, 1995)

Kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kesedaran pelajar-pelajar ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya mengenai tahap literasi komputer mereka. Bagaimana sikap mereka terhadap komputer dan adakah kemahiran berkomputer mereka sesuai dengan gelaran mahasiswa yang dibawa oleh mereka.